

11/12/2003

EAEG boleh kekang dasar berat sebelah Eropah: Dr M

A Ghani Nasir

FUKUOKA: Tun Dr Mahathir Mohamad yakin penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) bakal menjadi kenyataan satu hari kelak memandangkan jalan ke arah itu sudah pun dirintis dalam bentuk pasaran Bon Asia dan kemungkinan membentuk kesatuan kewangan.

Keadaan kini sudah berubah berbanding sebelum ini kerana Asean+3 sekarang sudah menjadi sebahagian daripada usaha mengeratkan lagi kerjasama negara Asia Timur.

Menyampaikan ucap-tama di simposium ke arah masa depan Sidang Kemuncak Kenangan-kenangan Asean-Jepun semalam, bekas Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat (AS) sememangnya menentang EAEG dan mendesak Korea Selatan dan Jepun usah menyertainya.

Beliau berkata, mengapa negara Asia Timur tidak boleh bekerjasama sebagaimana negara Eropah dan Amerika Utara adalah satu misteri.

Hanya James Baker, bekas Setiausaha Negara AS dapat menjelaskan bangkangan ini satu hari kelak, kata Dr Mahathir sambil menambah beliau berharap ia bukanlah sesuatu yang bersifat perkauman di pihak Amerika.

Dr Mahathir menekankan banyak kemajuan boleh dicapai dengan peningkatan kerjasama di antara Asia Timur demi kepentingan bersama dan dunia amnya.

"Kita ada syarikat bertaraf dunia yang boleh menyumbang ke arah kemakmuran satu sama lain. Kita tidak mahu berselindung di sebalik kononnya dagangan bebas.

"Tetapi saya yakin dengan kerjasama lebih erat negara Asia Timur boleh menjadi pengimbang kepada dasar berat sebelah sesetengah etnik Eropah.

"Dari segi politik Jepun tidak sekata dengan banyak negara Asia Tenggara dan mendekatkan dirinya dengan Amerika.

"Tetapi perbezaan fahaman politik ini tidak pula menjejaskan hubungan baik Jepun dengan negara Asia Tenggara. Kita semua bersikap pragmatik. Jepun pula tidak menunjukkan keinginan menjadi timbalan sherif Amerika di rantau ini," kata Dr Mahathir.

Simposium sehari itu dihadiri kira-kira 200 peserta kebanyakannya wakil belia dari negara Asean dan Jepun dianjurkan oleh Kementerian Luar Jepun, wilayah Fukuoka, akhbar Mainichi dan RKB broadcasting.

Sambil melahirkan rasa kesal Jepun enggan menyertai EAEG itu, Dr Mahathir hairan mengapa ini berlaku sedangkan kumpulan kerjasama serantau terus ditubuhkan sebagaimana terbukti di Eropah.

Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico sudah pun menubuhkan pakatan perjanjian dagangan bebas Amerika Utara (Nafta).

Asean masih lemah dan memerlukan sokongan, pengaruh dan kekuatan Jepun lagipun EAEG bukanlah sebuah pakatan ekonomi cuma satu forum bagi membincangkan masalah bersama dan meneroka jalan mengatasi masalah berkaitan.

Ia, kata Dr Mahathir penting memandangkan rundingan Gatt dan WTO gagal melahirkan hasil diharapkan maka sebab itulah sebuah EAEG yang kuat dapat membantu mempengaruhi WTO dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada ekonomi negara timur Asia.

"Itupun kita tidak bertujuan membentuk satu pakatan atau blok pasaran bersama yang formal dan mengikat yang mungkin mencetuskan konfrontasi dengan Eropah atau Amerika tetapi itu pun Jepun masih enggan menyertai atau menyokong EAEG," katanya.

Selepas ucapan dan acara soal jawab, satu perbincangan diadakan mengenai tajuk itu disertai Ketua Puteri Umno Datuk Azalina Othman; wakil parti

Thai Rak Thai, Suranand Vejjajiva; Heri Akhmadi daripada Parti Pembangunan Indonesia; Hayashi Yoshimasa daripada Parti Liberal Demokratik Jepun; Asao Keiichiro daripada Parti Demokratik dengan Akiko Kato daripada Universiti Keio sebagai penyelaras.